SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

2019



LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

2019



Isi KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	6
Pena Setiausaha	10
Ringkasan Eksekutif	14
Latar Belakang	16
Anggota Suruhanjaya	20
Urus Setia SPP - Carta Organisasi - Perjawatan Urus Setia SPP - Fungsi Bahagian	26
Urusan Pengambilan	36
Urusan Perkhidmatan	44
Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib	52
Pengurusan Maklumat	58
Urus Setia Cawangan Sabah	64
Urus Setia Cawangan Sarawak	70
Prestasi Kewangan	76
Mesyuarat Suruhanjaya	78
Aktiviti dan Pencapaian Utama Sepanjang Tahun 2019	80
Diari 2019	88
Liputan Media	114
Pengiktirafan	118
Sekalung Penghargaan	120
Glosari	124
Lagu SPP	126

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Perutusan
PENGERUSI

Perutusan PENGERUSI

" SPP akan terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab selaras dengan misi Suruhanjaya untuk melantik dan mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan pendidikan melalui pengurusan perkhidmatan yang transformatif. "



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) edisi 2019 dapat diterbitkan dan sekali gus telah menyempurnakan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan untuk menyediakan satu laporan tahunan mengenai aktiviti dan fungsi Suruhanjaya keseluruhannya.

SPP telah melaksanakan urusan pengambilan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) pada tahun 2019 berdasarkan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan selaras dengan misi Suruhanjaya untuk melantik dan mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan pendidikan melalui pengurusan perkhidmatan yang transformatif. Sepanjang tahun 2019, Program Bersepadu SPP telah diadakan sebanyak tiga (3) siri, yang menghimpunkan beberapa program seperti Lawatan Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru, Program Bual Bicara serta sesi konsultasi urusan-urusan perkhidmatan dan kawalan tatatertib bersama warga pendidik dari Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang merupakan program jangkauan (*outreach*) dengan penglibatan barisan Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SPP dan tokoh korporat atau ahli politik setempat juga turut diadakan pada Program Bersepadu kali ini.

Pada tahun 2019 juga, SPP telah meneruskan kesinambungan Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru di Luar Negara yang merupakan program kerjasama strategik di antara SPP dan Badan Kuasa Melantik perkhidmatan pendidikan di luar negara. Lawatan kali ini bertempat di Songkhla, Thailand menjadi platform antara Anggota Suruhanjaya bertukar-tukar pendapat dan pengalaman bersama rakan sejawat di luar negara dalam usaha menambah baik kualiti pengurusan modal insan perkhidmatan pendidikan negara.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Urus Setia SPP atas komitmen padu yang diberikan dalam melaksanakan aktiviti pada tahun 2019. Semoga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran akan terus menjadi sebuah Pihak Berkuasa Melantik yang kekal relevan dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dan semoga segala usaha yang dicurahkan oleh semua pihak diberkati oleh Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Pena

SETIAUSAHA

Pena SETIAUSAHA

" Kecemerlangan SPP khususnya dalam melaksanakan urusan pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib yang teratur tidak akan tercapai sekiranya tidak mendapat sokongan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi ditunjukkan oleh setiap warga SPP. "



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T atas izin dan kurniaNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dapat menerbitkan Laporan Tahunan SPP bagi tahun 2019. Laporan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pelbagai pihak bukan sahaja agensi-agensi Kerajaan malah kepada warga SPP sendiri untuk mendapatkan data dan pencapaian SPP sepanjang tahun 2019.

Pada tahun 2019, SPP telah menerima sebanyak 37,754 permohonan calon pelbagai peringkat sama ada lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) serta graduan Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah bagi tiga (3) jawatan di SPP iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Dari jumlah tersebut, 27,313 calon telah dipanggil temu duga tetapi hanya 7,667 calon berjaya dan dilantik secara tetap bagi mengisi jawatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Selain urusan pengambilan, SPP juga melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang baharu dilantik dan tindakan tatatertib ke atas APP yang dilaporkan oleh KPM. Bagi urusan perkhidmatan, seramai 6,469 pegawai telah diluluskan Pengesahan Pelantikan Tetap, 8,541 pegawai telah diluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan 9,776 diluluskan Pemberian Taraf Berpencen sepanjang tahun 2019. Manakala bagi kes tatatertib, Suruhanjaya telah memutuskan 75 kes tatatertib dan menimbang 156 kes rayuan tatatertib. Begitu juga pada tahun 2019, SPP telah mengadakan sebanyak 24 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 24 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 7 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat sepertimana ditetapkan dalam Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 (pindaan 2009). Sebanyak 702 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam ketiga-tiga mesyuarat berkenaan.

Pada tahun 2019, pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan khususnya pada sistem atas talian iaitu Sistem ePROPER yang telah diperkenalkan oleh SPP bagi melancarkan urusan-urusan perkhidmatan APP setelah beroperasi secara rasminya pada tahun 2018. Penambahbaikan berterusan akan terus diteliti oleh SPP bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Kecemerlangan SPP khususnya dalam melaksanakan urusan pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib yang lebih teratur sepanjang tahun 2019, tidak akan tercapai sekiranya tidak mendapat sokongan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi ditunjukkan oleh setiap warga SPP.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan warga SPP keseluruhannya atas usaha gigih dan komitmen yang padu dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sangat efisien sepanjang tempoh perkhidmatan yang berakhir pada tahun 2019. Dengan adanya persefahaman dan kerjasama yang erat di kalangan warga SPP, akan meningkatkan lagi produktiviti dan kecemerlangan SPP sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

DATUK SUHAIMI BIN JUSOH
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Ringkasan
EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya ialah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

SPP menjalankan fungsinya mengikut Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib.

Sepanjang tahun 2019, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

URUSAN PELANTIKAN	BILANGAN
PERMOHONAN	37,754
TEMU DUGA	27,313
TAWARAN PELANTIKAN	7,667
PENGESAHAN PELANTIKAN	6,469
URUSAN PERKHIDMATAN	
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	8,541
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	293
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	9,776
PELANTIKAN SECARA KONTRAK	154
PERTUKARAN SEMENTARA	168
PEMINJAMAN PEGAWAI	31
URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB	
RAYUAN NAIK PANGKAT	16
KES TATATERTIB	75
HUKUMAN TATATERTIB	74
RAYUAN TATATERTIB	156

Bagi urusan mesyuarat, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 24 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 24 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 7 kali bagi tahun 2019.

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya adalah seperti berikut:

MESYUARAT SURUHANJAYA	BILANGAN
KERTAS PENGAMBILAN	270
KERTAS PERKHIDMATAN	115
KERTAS TATATERTIB	148
KERTAS DASAR	4
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	160
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	5

Bagi tahun 2019, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM21,669,700.00 bagi perbelanjaan pengurusan yang terdiri dari RM16,857,035.00 untuk belanja mengurus Urus Setia dan sejumlah RM5,531,108.98 untuk pengurusan Ahli Suruhanjaya. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah RM21,015,214.17 iaitu 97% dari jumlah yang diperuntukkan.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Latar BELAKANG

PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Anggota Suruhanjaya SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.

FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu:



PENURUNAN KUASA

PERKARA 144 (5B) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-lembaga Tatatertib telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga yang tersebut, maka SPP tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat kecuali untuk kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA

FASAL 8 PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 321 bertarikh 3 September 2009.

LAPORAN TAHUNAN DI BAWAH FASAL 1 PERKARA 146

SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan laporan dibentangkan di Parlimen.

KOD ETIKA



PIAGAM PELANGGAN

SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited untuk memastikan Piagam Pelanggan di **Jadual 1** tercapai.

Jadual 1: Piagam Pelanggan

URUSAN	PIAGAM
Pengambilan (i) PPP dan PPPT (ii) AKP	 (i) Diselesaikan tidak lewat **lapan (8) minggu** dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). (ii) Diselesaikan tidak lewat **10 minggu** dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada KPM.
Perkhidmatan	Diselesaikan tidak lewat daripada **enam (6) minggu** daripada tarikh perakuan lengkap diterima.
Tatatertib	(i) Surat Keputusan Tindakan Tatatertib Am Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai dalam tempoh **lapan (8) minggu** setelah representasi pegawai, ulasan Ketua Jabatan dan dokumen berkaitan lengkap diterima; (ii) Surat Keputusan Rayuan Tatatertib Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai dalam tempoh **enam (6) minggu** setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima; dan (iii) Surat Keputusan Rayuan Naik Pangkat Suruhanjaya dikeluarkan kepada Pengerusi Lembaga Naik Pangkat dalam tempoh **lapan (8) minggu** setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima.
Khidmat Pengurusan	(i) Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh **satu (1)** hari bekerja; (ii) Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh **lima (5)** hari bekerja; dan (iii) Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat **14 hari** daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

LOKASI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
(IBU PEJABAT PUTRAJAYA)
Aras 1-4, Setia Perdana 3,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8871 7499



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SABAH
Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-488 521/522/523/524
Faks: 088-487 257



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK
Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn
Lot 1546, Blok 17, KCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching,Sarawak
Tel: 082-537 000
Faks: 082-537 027

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Anggota
SURUHANJAYA

SPP diperuntukkan seramai tiga belas Anggota Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli yang lain. Anggota Suruhanjaya dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat Perdana Menteri dan Persetujuan Majlis Raja-Raja. Pada tahun 2019, Suruhanjaya dianggotai oleh:



YBHG. TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Pengerusi

YBHG. DATO' HAJI MOHD SANI BIN MISTAM

YBHG. TAN SRI AHMAD PHESAL BIN TALIB
Timbalan Pengerusi

YBHG. DATUK HAJI MUHIDDIN @ MOHD ANAS BIN YUSIN

YBHG. DATO' DR. AZMI BIN SHAPIE



YBRS. DR. AZIAN BINTI
TENGKU SYED ABDULLAH

YBHG. DATUK GIVANANADAM
A/L KALINAN

PUAN HAMSIAH BINTI
ABDULLAH MASNI

YBRS. DR. JAMIL BIN ADIMIN

YBHG. DATO' SABARIAH BINTI
HASSAN



ENCIK SHABUDIN BIN MAN

YBRS. DR. ZAINAL AALAM BIN HASSAN

YBHG. DATO' WEE BENG EE

AHLI SURUHANJAYA YANG TELAH TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN



YBHG. DATO' MISRAH
BIN HAJI IBRAHIM
Meninggal dunia pada 26.04.2019



YBHG. DATO' HAJI
SUFA'AT BIN TUMIN
01.12.2016 – 30.11.2019



YBHG. DATO'
DR. LEE BOON HUA
01.12.2016 – 30.11.2019



YBRS. DR. MASNAH
BINTI ALI MUDA
01.12.2016 – 30.11.2019



PUAN HAJAH SERINA
BINTI SAUNI
01.12.2016 – 30.11.2019



YBHG. DATUK HAJI
MOHLIS BIN HAJI JAAFAR
01.12.2016 – 30.11.2019



YBHG. DATO'
S. KUMARAN
01.12.2016 – 30.11.2019



ENCIK CHOY LUP BONG
01.12.2016 – 30.11.2019

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Urus Setia SPP

Urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh seorang Setiausaha bersama dua orang Timbalan Setiausaha dan sepuluh orang Setiausaha Bahagian. Secara keseluruhannya, sejumlah 264 orang pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat di tiga buah pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak.



ENCIK MD RADZI BIN HASHIM
Timbalan Setiausaha
(Pengambilan dan Perkhidmatan)

YBHG. DATUK SUHAIMI
BIN JUSOH
Setiausaha

ENCIK AHMAD TARMIZI
BIN ZAKARIA
Timbalan Setiausaha
(Pengurusan)



ENCIK WAN AHMAD
BIN IBRAHIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Dan Perancangan

ENCIK ROSS RAFIZAL
BIN ROSLI
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru

ENCIK HAZLAN BIN
HASHIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Naik Pangkat Dan Tatatertib

PUAN ROSMASHILAH
BINTI OMAR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan

PUAN ROZILA BINTI
MEGAT OTHMAN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat



PUAN NOR ILANAH
BINTI ROSLAN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keurusetiaan

PUAN INTANUR SURIA
BINTI WAHABI
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak

PUAN JURIAH BINTI
JALALUS SHUTI
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

ENCIK ZAMZUL @ ROSMADI
BIN REBBIN
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah

ENCIK MOHAMAD FAHMI
BIN MOHD LATIB
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru

URUS SETIA SPP YANG TELAH BERSARA



YBHG. DATUK ABU BAKAR BIN IDRIS
Setiausaha
30.05.2016 - 24.06.2019



ENCIK MAHPOF BIN MAHMOOD
Timbalan Setiausaha (Pengurusan)
18.04.2016 - 02.08.2019

URUS SETIA SPP YANG TELAH BERTUKAR KELUAR



PUAN NOR ILANAH BINTI ROSLAN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keurusetiaan
01.11.2017 - 09.09.2019



PUAN ROSMASHILAH BINTI OMAR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan
01.09.2015 - 02.12.2019

Carta Organisasi

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



PERJAWATAN URUS SETIA SPP

KUMPULAN PERKHIDMATAN	IBU PEJABAT	CAWANGAN SABAH	CAWANGAN SARAWAK	JUMLAH
PENGURUSAN TERTINGGI	2	0	0	2
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	34	4	4	42
SOKONGAN	178	21	21	220
JUMLAH	**214**	**25**	**25**	**264**

FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Pengambilan Guru

Bertanggungjawab menguruskan pelantikan tetap bagi jawatan PPP yang meliputi:

- Menerima unjuran keperluan pengisian jawatan calon PPP mengikut keperluan opsyen dari Kementerian / Jabatan
- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan

Bahagian Pengambilan Bukan Guru

- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan PPPT dan AKP
- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkelayakan mengikut skim perkhidmatan
- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan

Bahagian Perkhidmatan

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang meliputi:

- Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)
- Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP)
- Pemberian Taraf Berpencen (PTB)
- Pelantikan secara pertukaran sementara / pertukaran tetap / peminjaman
- Penamatan perkhidmatan
- Pertukaran pelantikan
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu

Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

- Mengendalikan urusan tatatertib am dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan tatatertib jenayah bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Tahan Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Gantung Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib am bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib jenayah bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan kenaikan pangkat APP
- Mengendalikan urusan kenaikan pangkat Ketua Pengarah pelajaran Malaysia (KPPM).

Bahagian Dasar dan Perancangan

- Menyediakan Laporan Tahunan SPP
- Merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik SPP
- Menyemak dan mengemas kini dasar dan pekeliling SPP
- Menyelaras maklum balas parlimen
- Mengemukakan input yang dipohon oleh agensi Kerajaan yang lain
- Urus Setia Mesyuarat Perhubungan SPP

Bahagian Pengurusan Maklumat

Menyediakan prasarana dan khidmat sokongan ICT bagi menyokong pelaksanaan fungsi SPP dan bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan seperti yang berikut:

- Membangun, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) SPP
- Membangun dan memantau pematuhan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) SPP
- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi SPP
- Membangun dan menyelenggara Portal SPP
- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT terjamin
- Merancang dan melaksanakan perolehan ICT
- Merancang dan melaksanakan latihan penggunaan sistem aplikasi SPP
- Merancang dan mengurus aset ICT SPP
- Menguruskan pusat data SPP
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal berkaitan ICT

Bahagian Khidmat Pengurusan

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personel, pengurusan prestasi dan tatatertib
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran
- Menguruskan kewangan Jabatan
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam
- Menyelaras pelaksanaan modul / submodul aplikasi HRMIS

Bahagian Keurusetiaan

Mengurus setia mesyuarat-mesyuarat seperti yang berikut:

- Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (MSJ)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan (MLRTT)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (MLRKP)
- Mesyuarat *Search Committee* Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
- Menguruskan hal ehwal Ahli Suruhanjaya

Unit Integriti

- Pengukuhan integriti dan tadbir urus
- Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) SPP
- Pematuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa
- Pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika di SPP
- Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan / maklumat mengenai salah laku, pelanggaran tata kelakuan dan etika di SPP
- Urus Setia Lembaga Tatatertib SPP

Urus Setia Cawangan Sabah dan Sarawak

Melaksanakan urusan pengambilan dan perkhidmatan APP di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- Menubuhkan Lembaga Permulaan untuk membuat tapisan terhadap calon APP yang telah mengemukakan permohonan pekerjaan secara atas talian bagi tujuan panggilan temu duga
- Menguruskan pelaksanaan temu duga bagi Lembaga Permulaan di peringkat negeri dan melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan temu duga bagi pihak Ibu Pejabat bagi pengambilan di luar jadual Lembaga Permulaan di peringkat negeri

- Menyediakan kertas-kertas perakuan lantikan tetap, membuat hebahan keputusan temu duga dan menguruskan tawaran pelantikan tetap calon APP yang berjaya dalam temu duga
- Menyemak dan memperakukan urusan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP), Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan Pemberian Taraf Berpencen (PTB) serta rayuan-rayuan berkaitan
- Menguruskan urusan pelantikan kontrak dan tukar lantik
- Menguruskan permohonan penamatan perkhidmatan
- Memberikan khidmat nasihat bagi pengurusan kes-kes perkhidmatan kepada pihak jabatan dan sekolah

Menguruskan hal ehwal pentadbiran cawangan dan sokongan logistik seperti berikut:

- Menguruskan aspek pentadbiran dan pembangunan kualiti cawangan yang meliputi aktiviti pentadbiran am pejabat dan pengurusan fail, pengurusan aset dan penyelenggaraan dan pematuhan dasar keselamatan
- Merancang dan menguruskan aktiviti kewangan seperti permohonan peruntukan tahunan, bayaran bil, aktiviti perolehan dan pemantauan kontrak di peringkat cawangan
- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti pengurusan sumber manusia termasuk pengurusan Buku Perkhidmatan Kerajaan, faedah-faedah dalam perkhidmatan serta pembangunan sumber manusia
- Menyediakan sokongan logistik pelaksanaan aktiviti Suruhanjaya yang dijalankan dalam negeri Sabah dan Sarawak

Melaksanakan aktiviti pengurusan maklumat seperti berikut:

- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT serta pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT) di peringkat cawangan
- Merancang dan menguruskan penyelenggaraan sistem aplikasi, rangkaian dan aset fizikal ICT
- Memberi khidmat sokongan teknikal kepada warga kerja dan pemegang taruh yang menggunakan aplikasi perkhidmatan SPP

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Urusan
PENGAMBILAN

URUSAN PENGAMBILAN

Proses pengambilan yang dilaksanakan oleh SPP bermula apabila pihak KPM atau KPT memaklumkan bilangan kekosongan jawatan yang perlu diisi sama ada jawatan PPP, PPPT atau AKP. Pengisian jawatan PPP difokuskan kepada graduan pendidikan keluaran Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Manakala pengambilan PPPT dan AKP adalah berdasarkan kepada permohonan melalui *JobsMalaysia*. Senarai skim perkhidmatan yang pelantikannya diuruskan oleh SPP adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diuruskan Oleh SPP

JAWATAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
PPP GRED DG41 / DG29
PPPT GRED DH53 / DH51 / DH47 / DH43 / DH41 / DH33 / DH31 / DH29
ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N19
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W19
PENYELIA ASRAMA GRED N19
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N19
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N19
PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C19
PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
PEMBANTU AWAM GRED H11

Secara keseluruhannya SPP menerima sebanyak **37,754** permohonan pengisian jawatan pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, **27,313** orang calon telah dipanggil temu duga dan **7,667** orang calon telah ditawarkan pelantikan. Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh SPP adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3**. Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan ditunjukkan di **Carta 1**.

Jadual 3: Bilangan Permohonan, Temu Duga Dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT Dan AKP Bagi Tahun 2019

URUSAN	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
PERMOHONAN	8,272	4,585	24,897	**37,754**
TEMU DUGA	10,908	3,669	12,736	**27,313**
TAWARAN PELANTIKAN	5,779	434	1,454	**7,667**

Carta 1: Perbandingan Urusan Pelantikan Mengikut Kategori / Skim Perkhidmatan Bagi Tahun 2019



URUSAN PELANTIKAN TETAP PPP

Urusan pengambilan PPP bagi tahun 2019 merangkumi calon seperti berikut:

(i) Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPGM
(ii) Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada UA
(iii) Graduan Program *Teach For Malaysia* (TFM)
(iv) Graduan Program PERMATA Pintar dan PERMATA Kurnia
(v) Graduan Calon Interim Sabah dan Sarawak
(vi) Graduan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
(vii) Graduan Program Pelajar Cemerlang (PPC)
(viii) Graduan Program Kembar Pra-Perkhidmatan (PKP)
(ix) Graduan Program Latihan Perguruan Peringkat Ijazah Pertama (PLPPIP)
(x) Graduan Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi (SLTPPM)
(xi) Graduan Sekolah Seni Malaysia (SSM)

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Urusan Pelantikan Tetap PPP Bagi Tahun 2019

URUSAN / WILAYAH	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PPP DG41			
SEMENANJUNG	2,604	*10,032	5,560
SABAH	2,870	503	-
SARAWAK	486	296	208
JUMLAH	**5,960**	**10,831**	**5,768**
PPP DG29			
SEMENANJUNG	1,418	77	11
SABAH	894	-	-
SARAWAK	-	-	-
JUMLAH	**2,312**	**77**	**11**
JUMLAH KESELURUHAN	**8,272**	**10,908**	**5,779**

***Nota:** Pemerolehan calon adalah merentas tahun iaitu calon-calon yang layak terdiri daripada permohonan dari tahun 2017 dan 2018.

URUSAN PELANTIKAN TETAP PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2019 melibatkan calon daripada pasaran terbuka dan perangkaan urusan pengambilan PPPT adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5: Urusan Pelantikan Tetap PPPT Bagi Tahun 2019 (Pasaran Terbuka)

URUSAN / WILAYAH	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PPPT DH41			
SEMENANJUNG	2,345	*3,013	315
SABAH	291	134	36
SARAWAK	23	418	62
JUMLAH	**2,870**	**3,565**	**413**
PPPT DH29			
SEMENANJUNG	1,715	104	21
SABAH	-	-	-

URUSAN / WILAYAH	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
SARAWAK	-	-	-
JUMLAH	**1,715**	**104**	**21**
JUMLAH KESELURUHAN	**4,585**	**3,669**	**434**

***Nota:** Pemerolehan calon adalah merentas tahun iaitu calon-calon yang layak terdiri daripada permohonan dari tahun 2017 dan 2018.

URUSAN PELANTIKAN TETAP AKP

SPP melaksanakan iklan pengambilan sepanjang masa bagi pengisian jawatan AKP melalui Portal *JobsMalaysia*. Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6: Urusan Pelantikan Tetap AKP Bagi Tahun 2019

URUSAN / WILAYAH	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PT (PO) N19			
SEMENANJUNG	4,381	938	175
SABAH	645	1,020	-
SARAWAK	486	772	62
JUMLAH	**5,512**	**2,730**	**237**
PT (KEW) N19			
SEMENANJUNG	2,016	-	-
SABAH	307	-	-
SARAWAK	211	-	-
JUMLAH	**2,534**	**-**	**-**
PPM N19			
SEMENANJUNG	3,564	1,483	218
SABAH	579	917	100
SARAWAK	459	-	-
JUMLAH	**4,602**	**2,400**	**318**
PM C19			
SEMENANJUNG	2,643	3,488*	340
SABAH	377	74	7
SARAWAK	360	100	8
JUMLAH	3,380	3,662	355

WILAYAH / URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PENYELIA ASRAMA N19			
SEMENANJUNG	2,528	1,044	70
SABAH	445	84	17
SARAWAK	374	194	17
JUMLAH	**3,347**	**1,322**	**104**
PKP N19			
SEMENANJUNG	2,352	-	-
SABAH	321	-	-
SARAWAK	232	-	-
JUMLAH	**2,905**	**-**	**-**
PO N11			
SEMENANJUNG	1,454	1,721*	280
SABAH	229	229	48
SARAWAK	172	553	95
JUMLAH	**1,855**	**2,503**	**423**
PEMANDU KENDERAAN H11			
SEMENANJUNG	594	72	15
SABAH	93	17	-
SARAWAK	75	30	2
JUMLAH	**762**	**119**	**17**
JUMLAH KESELURUHAN	**24,897**	**12,736**	**1,454**

***Nota:** Pemerolehan calon adalah merentas tahun iaitu calon-calon yang layak terdiri daripada permohonan dari tahun 2017 dan 2018.

Perangkaan urusan pengambilan SABK adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7: Urusan Pengambilan SABK Tahun 2019

URUSAN / JAWATAN	PT (P/O) GRED N19	JUMLAH
TEMU DUGA	1	1
TAWARAN PELANTIKAN	-	-

PERBANDINGAN URUSAN PENGAMBILAN PPP, PPPT DAN AKP

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2017 hingga 2019 adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Carta 2**, **3** dan **4**.

Carta 2: Perbandingan Urusan Pengambilan PPP Bagi Tahun 2017 Hingga 2019



Carta 3: Perbandingan Urusan Pengambilan PPPT Bagi Tahun 2017 Hingga 2019



Carta 4: Perbandingan Urusan Pengambilan AKP Bagi Tahun 2017 Hingga 2019



URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN

SPP telah mengesahkan pelantikan seramai **6,469** APP pada tahun 2019. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 8** dan perbandingan pengesahan pelantikan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2019 seperti di **Carta 5**.

Jadual 8: Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2019

KUMPULAN / WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	3,752	26	1,051	**4,829**
SABAH	657	27	124	**808**
SARAWAK	713	70	49	**832**
JUMLAH	**5,122**	**123**	**1,224**	**6,469**

Carta 5: Perbandingan Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2019



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Urusan
PERKHIDMATAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2019, SPP telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan kepada **8,541** orang APP berdasarkan Peraturan 29 dan 37, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 9.** Perbandingan pengesahan dalam perkhidmatan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2019 seperti di **Carta 6**.

Jadual 9: Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2019

KUMPULAN / WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	5,187	29	1,061	**6,277**
SABAH	1,003	24	107	**1,134**
SARAWAK	984	10	136	**1,130**
JUMLAH	**7,174**	**63**	**1,304**	**8,541**

Carta 6: Perbandingan Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2019



PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Seramai **293** orang APP telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan oleh SPP pada tahun 2019 mengikut Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 10**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2019 seperti di **Carta 7**.

Jadual 10: Pelanjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2019

KUMPULAN / WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	171	0	28	199
SABAH	29	0	18	47
SARAWAK	22	0	25	47
JUMLAH	**222**	**0**	**71**	**293**

Carta 7: Perbandingan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2019



PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

SPP telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada **9,776** orang APP pada tahun 2019 yang dilaksanakan mengikut Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 11**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2019 seperti di **Carta 8**.

Jadual 11: Pemberian Taraf Berpencen APP Bagi Tahun 2019

KUMPULAN / WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	6,688	46	307	7,041
SABAH	1,061	4	100	1,165
SARAWAK	1,369	11	190	1,570
JUMLAH	**9,118**	**61**	**597**	**9,776**

Carta 8: Perbandingan Pemberian Taraf Berpencen APP Bagi Tahun 2019



PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2019, SPP telah mengeluarkan **empat (4) notis penamatan** kepada pegawai berdasarkan Peraturan 50(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkaitan.

PERTUKARAN PELANTIKAN

Pertukaran pelantikan merupakan tatacara pelantikan yang dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan pegawai ke Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan atau ke skim perkhidmatan yang sama/berlainan tanpa melalui proses pelantikan biasa. Sepanjang tahun 2019, SPP telah meluluskan **tiga (3) urusan pertukaran pelantikan** yang melibatkan **seorang** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertukar sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan **dua (2) orang** Pemandu Kenderaan Gred H11 dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bertukar sebagai Pemandu Kenderaan Gred H11 di KPM. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016.

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke perkhidmatan yang lain dalam angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan,

pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Bagi tahun 2019, SPP telah melaksanakan urusan berkaitan pelepasan pertukaran sementara seramai **168** orang APP bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar perkhidmatan pendidikan. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Maklumat pelepasan untuk pertukaran sementara mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2019 adalah seperti **Jadual 12**.

Jadual 12: Pelepasan Untuk Pertukaran Sementara APP Bagi Tahun 2019

KUMPULAN / URUSAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	52	14	1	67
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	42	5	1	48
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	52	1	-	53
JUMLAH	**146**	**20**	**2**	**168**

PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

SPP sebagai PBM telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman seramai **31** orang APP untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah PBM yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau perkhidmatan awam

bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Maklumat pelepasan untuk peminjaman bagi tahun 2019 adalah seperti **Jadual 13**.

Jadual 13: Pelepasan Untuk Peminjaman APP Bagi Tahun 2019

KUMPULAN / URUSAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN	13	1	3	17
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PEMINJAMAN	7	3	-	10
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN	4	-	-	4
JUMLAH	**24**	**4**	**3**	**31**

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah kaedah pelantikan secara tetap pegawai yang sedang dipinjam / ditukar sementara ke jawatan yang disandang di agensi peminjam. Sepanjang tahun 2019, **tiada urusan** pertukaran tetap ke agensi peminjam atas kepentingan perkhidmatan agensi berkenaan yang dilaksanakan. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008.

PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, SPP juga turut membuat pelantikan secara kontrak yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016.

Pada tahun 2019, seramai **154 urusan** adalah pelantikan semula. Maklumat pelantikan kontrak bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 14.**

Jadual 14: Bilangan Pelantikan Kontrak Bagi Tahun 2019

JAWATAN	PELANTIKAN PERTAMA	PELANTIKAN SEMULA
PPP GRED DG41 (SABK)	-	17
PPP GRED DG29 (SABK)	-	125
KUMPULAN PELAKSANA	-	12
JUMLAH	**-**	**154**
JUMLAH KESELURUHAN	**154**	

KEMBALI KE SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain. Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperoleh dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa PBM yang sama. Namun begitu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan. Sepanjang tahun 2019, **tiada urusan** kembali ke skim perkhidmatan terdahulu.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Urusan
KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

TINDAKAN TATATERTIB

Bagi tahun 2019, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **75 kes** tatatertib merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 15.** Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2019 ditunjukkan di **Carta 9.** Manakala **Jadual 16** menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2019.

Jadual 15: Kes Tatatertib Bagi Tahun 2019

KES TATATERTIB	PPP	PPPT	JUMLAH
TIDAK HADIR BERTUGAS	45	2	47
TATA KELAKUAN	1	9	10
SABITAN MAHKAMAH	17	1	18
JUMLAH	**63**	**12**	**75**

Carta 9 : Pecahan Kes Tatatertib Tahun 2019



Jadual 16: Hukuman Tatatertib (Am Dan Jenayah) Bagi Tahun 2019

HUKUMAN	JUMLAH
AMARAN	4
AMARAN DAN DENDA	2
AMARAN, DENDA DAN LUCUT HAK EMOLUMEN	0
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	5
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	0
AMARAN DAN TURUN GAJI	2
AMARAN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	3

HUKUMAN	JUMLAH
AMARAN DAN TURUN PANGKAT	1
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA	3
LUCUT HAK EMOLUMEN	0
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	5
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	0
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN PANGKAT	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA	32
TURUN GAJI	1
TURUN PANGKAT	0
BUANG KERJA	15
JUMLAH	**74**

Terdapat **satu (1)** perakuan tindakan tatatertib yang diterima dan tiada hukuman tatatertib yang dikenakan.

PEWARTAAN

Sepanjang tahun 2019, SPP telah bersetuju mewartakan **dua (2) orang** pegawai bagi jumlah kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

PERINTAH TAHAN KERJA DAN PERINTAH GANTUNG KERJA

Perintah Tahan Kerja (PTK) dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

(i) Prosiding jenayah; atau
(ii) Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Manakala Perintah Gantung Kerja (PGK) pula dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

(i) Pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
(ii) Suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 Telah Dibuat Terhadap Pegawai.

Pada tahun 2019, SPP telah meluluskan sebanyak **27 Perintah Tahan Kerja** dan sebanyak **27 Perintah Gantung Kerja** seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17: Kelulusan Perintah Tahan Kerja Dan Perintah Gantung Kerja Bagi Tahun 2019

JENIS KESALAHAN	PERINTAH	
	PTK	PGK
AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997 / AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009	1	-
KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN / UNDANG-UNDANG LAIN	26	22
KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA / ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH ATAU ENAKMEN UNDANG-UNDANG ISLAM	-	5
JUMLAH	**27**	**27**

RAYUAN TATATERTIB

Pada tahun 2019, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak **160 kes rayuan tatatertib** bagi APP seperti di **Jadual 18**. Pecahan peratusan keputusan rayuan tatatertib bagi tahun 2019 ditunjukkan di **Carta 10**.

Jadual 18 : Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2019

KEPUTUSAN	JUMLAH
MENGHANTAR BALIK KES KEPADA LEMBAGA TATATERTIB UNTUK DITIMBANG SEMULA	5
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB	144
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB TENTANG SALAH LAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN	3
MENGAKAS KEPUTUSAN DAN HUKUMAN LEMBAGA TATATERTIB DAN MEMBEBASKAN PERAYU	4
JUMLAH	**156**

Terdapat dua (2) kes tidak dipertimbangkan dan dua (2) kes ditangguhkan kerana masih menunggu pandangan dari Pejabat Peguam Negara.

Carta 10 : Perbandingan Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2019



RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah mempertimbangkan sebanyak **16 rayuan kenaikan pangkat**. Rayuan kenaikan pangkat tahun 2019 yang diterima daripada APP adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19: Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat APP Bagi Tahun 2019

KATEGORI RAYUAN KENAIKAN PANGKAT	KEPUTUSAN RAYUAN	
	RAYUAN DITOLAK	RAYUAN DITERIMA
PPP GRED DG52 KE GRED DG54	1	-
PPPT GRED DH44 KE GRED DH48	1	-
PPP GRED DG41 KE GRED DG44	4	9
PPP GRED DG32 KE GRED DG 42	1	-
JUMLAH	**7**	**9**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Pengurusan
MAKLUMAT

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013

SPP telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 pada 15 November 2018. Selaras dengan keperluan pensijilan bagi Audit Pematuhan Tahun Pertama, Bengkel Kajian Semula Dokumen Dan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) telah diadakan pada 16 hingga 18 Jun 2019 bertempat di Hotel Hatten, Melaka.

Audit Pematuhan Tahun Pertama oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd telah diadakan pada 7 hingga 8 November 2019 dan SPP telah disyorkan untuk diteruskan pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat pada 8 November 2019.

Skop pensijilan ISMS di SPP masih dikekalkan iaitu **"Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Perakuan Urusan Perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) menggunakan Sistem eSPP di Ibu Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran".**









PENAMBAHBAIKAN LAMAN WEB RASMI SPP

Sistem Pemantauan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (SPLaSK) merupakan satu platform pemantauan terhadap kriteria yang telah ditetapkan oleh MAMPU dan pemegang taruh (MDEC serta agensi Kerajaan). Ia juga merupakan kaedah pemantauan secara kendiri terhadap laman web dan perkhidmatan dalam talian agensi kerajaan dengan menggunakan '*crawler*' sebagai agen untuk menyemak sebanyak 15 kriteria pematuhan yang telah ditetapkan.

Antara Muka Laman Web Rasmi SPP



Bagi memenuhi pemantauan kriteria ini, penambahbaikan laman web rasmi SPP telah dilaksanakan dengan pemasangan dan konfigurasi '*tagging*' serta pengemaskinian kandungan, bagi membolehkan maklumat pematuhan dapat dicapai oleh '*crawler*' SPLaSK. Penyeragaman lokasi dan reka bentuk pautan Borang Aduan dan Maklum Balas di laman web rasmi SPP juga dilakukan selaras dengan Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (Surat PKPA) Bil. 1 Tahun 2019 : Penyeragaman Lokasi dan Reka Bentuk Pautan Borang Aduan dan Maklum Balas dalam Laman Web Agensi Sektor Awam.

Senarai Kriteria SPLaSK



PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AGENSI AWAM (SISPAA) DI SPP



Sistem i-Tanya merupakan sistem pengurusan pertanyaan dan aduan secara atas talian yang diguna pakai di SPP dan telah diperkenalkan sejak tahun 2011. Sistem ini menggantikan kaedah mengemukakan pertanyaan atau aduan atau maklum balas melalui penghantaran e-mel.

Seiring dengan perkembangan teknologi informasi yang semakin pesat, SPP telah bekerjasama dengan Biro Pengaduan Awam (BPA), JPM untuk menambah baik kemudahan pengurusan pertanyaan dan aduan agar lebih efisien. Bermula Jun 2019, SPP telah menggunakan SISPAA sebagai platform pengurusan pertanyaan atau maklum balas yang baharu bagi menggantikan Sistem i-Tanya.

SISTEM e-OPES: PENAMBAHBAIKAN MODUL MEJA BANTUAN ICT



Sistem Operasi Pejabat (e-OPES) mula dibangunkan dan digunakan sejak tahun 2017. Ia bertujuan untuk memudahkan warga SPP untuk memohon perubahan atau pindaan ke atas sistem aplikasi SPP, permohonan tempahan bilik mesyuarat atau kenderaan jabatan, memuat turun borang yang terkini dan direktori warga SPP.



Bermula tahun 2019, sistem e-OPES telah dipertingkatkan dengan penambahbaikan modul Meja Bantuan ICT. Modul ini memudahkan warga SPP untuk menyalurkan aduan kerosakan ICT, yang merangkumi perisian, perkakasan, rangkaian dan sistem. Selain itu juga, dengan penggunaan modul ini, tahap penyampaian perkhidmatan BPM dapat dipertingkatkan dengan pematuhan serta pemantauan ke atas tempoh penyelesaian bagi setiap aduan.

SISTEM ePROPER: PENAMBAHBAIKAN MODUL PENGESAHAN PELANTIKAN TETAP (PPT) DAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN (PDP)

Sistem ePROPER merupakan sistem yang dibangunkan oleh SPP bagi membolehkan Ketua Jabatan di semua peringkat agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperakukan secara dalam talian bagi urusan perkhidmatan yang berkaitan dengan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP), Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP) dan Pemberian Taraf Berpencen (PTB).

Bagi memastikan sistem ePROPER memenuhi kehendak pemegang taruh (*stakeholder*), sepanjang tahun 2019, terdapat penambahbaikan yang telah dilaksanakan supaya sistem ini sentiasa menepati hasrat dan aspirasi SPP dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efisien. Penambahbaikan yang terlibat iaitu:

- **Modul Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT) – tambahan medan Pengesahan Pengamal Perubatan Berdaftar**



- **Modul Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT) – sekatan terhadap permohonan PPT yang telah melebihi 90 hari daripada tarikh lapor diri**



- **Modul Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) - Sekatan terhadap permohonan PDP bagi pegawai yang terlibat dengan kes tatatertib**



LAWATAN TEKNIKAL PEJABAT BAHARU SPP, BLOK F9, KOMPLEKS F, PUTRAJAYA

Bagi memastikan perkhidmatan infrastruktur ICT disediakan di pejabat baharu SPP, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya, beberapa siri lawatan teknikal telah diadakan iaitu pada 23 dan 26 September 2019. Lawatan ini merangkumi pemeriksaan teknikal pusat data, bilik rangkaian ICT dan semakan keperluan ICT untuk warga SPP.





SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Urus Setia
CAWANGAN SABAH

TAKLIMAT DAN NAZIRAN SISTEM ePROPER

Mantan Setiausaha SPP, YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris telah menyampaikan taklimat tentang perkhidmatan Sistem ePROPER di zon Sandakan, Sabah pada 28 hingga 30 Januari 2019. Urus Setia Cawangan (USC) Sabah bukan sahaja melaksanakan naziran Sistem ePROPER tetapi turut memainkan peranan sebagai konsultan berhubung isu-isu berkaitan perkhidmatan pendidikan.





Sejumlah 204 urusan telah diselesaikan dalam naziran ePROPER bagi zon Kudat iaitu 59 berkaitan dengan urusan pengambilan dan 145 berkaitan dengan urusan perkhidmatan.



Bagi zon Keningau, sejumlah 590 urusan telah diselesaikan dalam naziran ePROPER iaitu 120 urusan berkaitan dengan pengambilan dan 470 urusan berkaitan dengan perkhidmatan.

Secara keseluruhan, sehingga Oktober 2019 USC Sabah telah berjaya melaksanakan enam (6) program naziran ePROPER seperti yang dirancang yang melibatkan 2,601 urusan iaitu 731 berkaitan pengambilan dan 1,870 berkaitan perkhidmatan.





KURSUS KESELAMATAN PEJABAT



Pegawai Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Cawangan Sabah memberikan taklimat tentang keselamatan pejabat yang meliputi keselamatan individu, persekitaran, dan dokumen pada 18 Februari 2019.

LAWATAN PENGERUSI SPP KE SABAH

YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP membuat kunjungan hormat kepada YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah dan mengadakan perbincangan dengan Pengarah Pendidikan Negeri Sabah, YBrs. Dr. Mistirine binti Radin serta turut meluangkan masa bertanya khabar pegawai-pegawai USC Sabah.





MESYUARAT SETIAUSAHA SPP BERSAMA USC SABAH



Mantan Setiausaha SPP YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris mempengerusikan Mesyuarat Setiausaha SPP Bersama USC Sabah. Sejurus mesyuarat YBhg. Datuk Setiausaha turut melancarkan Program EKSA SPP USC Sabah.

AUDIT PENSIJILAN EKSA OLEH MAMPU SABAH

Timbalan Pengarah MAMPU Sabah, Tuan Josliw bin Matjumping membentangkan laporan penemuan audit pensijilan semula EKSA. SPP USC Sabah berjaya mengekalkan pensijilan EKSA pada tahap cemerlang.



TAKLIMAT DAN PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENGERUSI LEMBAGA TEMU DUGA SPP



Seramai sembilan (9) orang Pengerusi Panel Temu Duga SPP telah dilantik secara rasmi berkuat kuasa pada 7 Julai 2019 hingga 30 Jun 2020 yang disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP.

LAWATAN PENANDAARASAN EKSA OLEH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Pelaksanaan EKSA di USC Sabah mendapat pengiktirafan dengan lawatan penandaarasan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Penandaarasan ini sudah tentu akan membantu pensijilan seterusnya yang turut dinilai oleh pihak MAMPU sebagai salah kriteria yang akan menyumbang markah penilaian.

LAWATAN SETIAUSAHA SPP YANG BAHARU KE SABAH

Sebagai Setiausaha SPP yang baharu, YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh telah mengadakan lawatan ke Sabah. Antara pengisian program di Sabah ialah kunjungan hormat kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah, YBrs. Dr. Mistirine binti Radin dan mempengerusikan Mesyuarat Setiausaha SPP Bersama USC Sabah Bilangan 2 Tahun 2019. Dalam pertemuan dengan warga USC Sabah YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh turut menjelaskan hala tuju SPP dan memberikan kata semangat kepada warga USC Sabah untuk terus berkhidmat dengan semangat dan berintegriti.





SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Urus Setia
CAWANGAN SARAWAK

LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Latihan Pengungsian Bangunan telah diadakan melibatkan semua penghuni yang bertugas di Bangunan Lee Onn iaitu Pejabat USC Sarawak, Pejabat KPMG dan Pejabat Lee Onn Construction Co. Latihan pengungsian ini dilaksanakan oleh pasukan Balai Bomba Penyelamat, zon Tabuan, Kuching diketuai oleh PgKB II Kurung ak Suwen, Ketua Cawangan Keselamatan Kebakaran Zon 1. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan kepada penghuni Bangunan Lee Onn berkaitan persediaan setiap individu jika berlaku sebarang bencana kebakaran di bangunan tersebut. Latihan dimulakan dengan sesi pengungsian bangunan dan diakhiri dengan demonstrasi menggunakan alat pemadam api.









PROGRAM PENCEGAHAN RASUAH BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Program Pencegahan Rasuah telah diadakan melibatkan semua warga USC Sarawak. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Negeri Sarawak diketuai KPKPj Haji Abdul Razak Deraof, Timbalan Pengarah Operasi, Negeri Sarawak. Antara pengisian program adalah Ceramah Pencegahan Rasuah Dan Peningkatan Integriti dan Sesi Ikrar Bebas Rasuah oleh semua warga USC Sarawak disaksikan oleh Timbalan Pengarah Operasi, Negeri Sarawak. Program ini bertujuan untuk memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warga USC Sarawak secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.











CERAMAH KESIHATAN MENTAL

Ceramah Kesihatan Mental telah diadakan melibatkan semua warga SPP USC Sarawak. Ceramah ini disampaikan oleh Doktor Selvasingam Ratnasingam, Pakar Perunding Kanan (Psikiatri) Hospital Umum Sarawak. Antara pengisian program adalah Ceramah Kesihatan Mental. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai isu kesihatan mental dan menerangkan cara mengurus emosi.





LAWATAN KERJA YBHG. TAN SRI PENGERUSI SPP KE URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK



YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP telah mengadakan lawatan kerja ke Urus Setia Cawangan Sarawak pada 18 hingga 20 Februari 2019. Antara pengisian program beliau adalah temu duga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Gred DH41 dan lawatan kerja serta taklimat di Pejabat USC Sarawak. Selain itu, YBhg. Tan Sri Pengerusi juga mengadakan sesi perjumpaan bersama JPN Sarawak yang turut dihadiri YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, Timbalan Pengerusi SPP, YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris, Setiausaha SPP, YBhg. Datuk Haji Muhiddin bin Yusin, Ahli Suruhanjaya. Tujuan perjumpaan adalah untuk membincangkan maklumat terkini perjawatan dan isu pengurusan perkhidmatan yang dihadapi oleh JPNS. Dalam masa yang sama, sesi ini juga bertujuan sebagai satu *platform* JPNS untuk mengenali aspirasi Suruhanjaya tahun 2019 secara terus daripada YBhg. Tan Sri Pengerusi Suruhanjaya yang baharu dilantik. Selanjutnya, YBhg. Tan Sri Pengerusi dan rombongan mengadakan Kunjungan Hormat kepada YAB Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg, Ketua Menteri Sarawak.





LAWATAN KERJA SETIAUSAHA SPP KE URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK

YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP telah mengadakan lawatan kerja ke USC Sarawak pada 18 hingga 19 September 2019. Antara pengisian program beliau adalah sesi Perjumpaan bersama JPN Sarawak. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membincangkan maklumat terkini perjawatan dan urusan perkhidmatan yang dihadapi oleh JPN Sarawak. Program beliau diteruskan dengan lawatan kerja dan taklimat bersama warga USC Sarawak.







SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Prestasi
KEWANGAN

SPP diperuntukkan sebanyak **RM21,669,700.00** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2019 dengan jumlah emolumen sebanyak **RM16,857,035.00**. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM21,015,214.17** yang bersamaan **97%.** Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 20** dan perbandingan bagi Bajet T10 dan B40 bagi tahun 2019 seperti **Carta 11** dan **Carta 12**.

Jadual 20: Bajet T10 dan B40

PERKARA / MAKSUD	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	EMOLUMEN (RM)	TANPA EMOLUMEN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T10	5,669,700.00	4,019,200.00	1,650,500.00	5,531,108.98	98
B40	16,000,000.00	12,837,835.00	3,162,165.00	15,484,105.19	97
JUMLAH	**21,669,700.00**	**16,857,035.00**	**4,812,665.00**	**21,015,214.17**	**97**

Carta 11: Bajet T10



Carta 12: Bajet B40



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Mesyuarat SURUHANJAYA

Pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 [(P.U.A) 189/2007]. Sepanjang tahun 2019, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak **24 kali**, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak **24 kali** dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak **7 kali**. Bilangan kertas mesyuarat yang telah dipertimbangkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 21** dan pecahan mengikut peratus adalah seperti di **Carta 13**.





Jadual 21: Bilangan Kertas Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Tahun 2019

PERKARA	JUMLAH
MESYUARAT SURUHANJAYA	
KERTAS PENGAMBILAN	270
KERTAS PERKHIDMATAN	115
KERTAS TATATERTIB	148
KERTAS DASAR	4
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	160
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	5
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS PERTIMBANGAN	**702**

Carta 13: Pecahan Peratus Kertas Suruhanjaya Yang Telah Dibentangkan Bagi Tahun 2019



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Aktiviti Dan
PENCAPAIAN UTAMA SEPANJANG TAHUN 2019

PROGRAM BERSEPADU SPP

Program Bersepadu SPP merupakan inisiatif turun padang bertemu pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholder*) sektor perkhidmatan pendidikan secara bersemuka. Penganjuran program ini juga sebagai usaha berterusan SPP menambah baik penyampaian perkhidmatan dan mengukuhkan fungsi serta peranan sebagai Badan Kuasa Melantik.

Senarai Aktiviti di bawah Program Bersepadu SPP:

a) Mesyuarat Suruhanjaya
b) Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Negeri
c) Program Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib
d) Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Sekolah
e) Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Luar Negara
f) Mesyuarat Pengurusan



PROGRAM BUAL BICARA SPP BERSAMA WARGA PENDIDIKAN NEGERI

BIL	SENARAI PROGRAM BICARA	TARIKH	PERASMI
1.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Sibu, Sarawak di Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Miri Sarawak	26 Februari 2019	YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP
2.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Simunjan dan Samarahan di Dewan Mesra Simunjan, Sarawak	23 April 2019	YB Datuk Wira Dr. Mohamed Farid bin Md Rafik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
3.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Negeri Pahang di Bahagian Teknologi Pendidikan Kuantan, Pahang	10 Oktober 2019	YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP







PROGRAM PENANDAARASAN SISTEM PENGAMBILAN GURU DI LUAR NEGARA

Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru di Luar Negara merupakan satu program yang dapat memberi impak kepada Sistem Pemilihan Guru yang sedang dilaksanakan oleh SPP. Melalui program ini, SPP mendapat pendedahan mengenai kaedah pemilihan guru yang dilaksanakan di luar negara dan akan disesuaikan melalui penambahbaikan sistem sedia ada dari semasa ke semasa.



BIL	SENARAI PROGRAM PENANDAARASAN	TARIKH	KETUA DELEGASI
1.	Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Songkhla, Thailand	27 Februari 2019	YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP





PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan program jangkauan (*outreach*) dengan penglibatan barisan Ahli Suruhanjaya, pengurusan SPP dan tokoh korporat atau ahli politik setempat.

Sekolah yang dipilih sama ada akan menerima bantuan kewangan daripada tokoh korporat/ahli politik tempatan atau konsultasi perkhidmatan dan tatatertib melibatkan pengurusan harian.



BIL	SENARAI PROGRAM CSR	TARIKH	PERASMI
1.	Program Tanggungjawab Sosial Korporat SPP di SMK Dato' Permaisuri, Miri Sarawak	23 April 2019	YB Datuk Wira Dr. Mohamed Farid bin Md Rafik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri





PENYERTAAN KARNIVAL KERJAYA LUAR

Penyertaan penganjuran karnival kerjaya luar merupakan antara prakarsa SPP dalam menyebar luas tentang fungsi dan peranan sebagai Badan Kuasa Melantik sektor perkhidmatan pendidikan Negara.

Promosi dan publisiti yang berterusan bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran malah pengetahuan berkaitan laluan kerjaya apabila menyertai sektor perkhidmatan pendidikan.







BIL	SENARAI KARNIVAL KERJAYA	TARIKH	TEMPAT
1.	Karnival Kerjaya JobsMalaysia	6 Julai 2019	UTC Pudu Sentral, Kuala Lumpur
2.	Hari Kerjaya Perkhidmatan Awam Bil 1/2019	20 Julai 2019	Dewan Serbaguna, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Selangor
3.	Hari Kerjaya Perkhidmatan Awam Bil 2/2019	24 Ogos 2019	Auditorium Dato' Abdul Majid, Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya
4.	Hari Kerjaya Perkhidmatan Awam Bil 4/2019	14 September 2019	Dewan Serbaguna, SMK (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur

MAJLIS LAMBAIAN KASIH APRESIASI BUDI 2019

Majlis Lambaian Kasih Apresiasi Budi 2019 merupakan majlis meraikan kenangan, sumbangan dan jasa pegawai-pegawai SPP yang bersara pada tahun 2019. Seramai empat (4) orang pegawai SPP diraikan pada majlis tersebut.

Majlis berlangsung pada 21 Jun 2019 di Dewan Gunasama, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Lebih menarik, majlis ini turut meraikan persaraan YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris, Setiausaha SPP dan YBrs. Tuan Haji Mahpof bin Mahmood, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) SPP.







PROGRAM KELAB SUKAN DAN REKREASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN (KSRSPP)

Kelab Sukan dan Rekreasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (KSRSPP) meneruskan kesinambungan menyantuni golongan yang memerlukan dan tidak berkemampuan pada tahun 2019 dengan penganjuran Program Ziarah Asnaf.

Tahun ini sebanyak lima (5) keluarga asnaf daripada kawasan Kampung Tengah Puchong dipilih untuk menerima bantuan berbentuk wang tunai dan keperluan harian bagi meringankan beban menjelang bulan Ramadan 2019.









SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Diari 2019

10 JANUARI

Majlis Makan Tengah Hari dan Doa Selamat YBhg. Tan Sri Pengerusi di Ibu Pejabat, SPP







18 JANUARI

Pemilihan Ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ)






24 JANUARI

Perhimpunan Bulanan SPP bertempat di Blok B1, Jabatan Perdana Menteri







25 JANUARI

Program Gaya Hidup Sihat SPP Siri I





28-29 JANUARI

Naziran Sistem e-PROPER di Johor







31 JANUARI

Taklimat SPP bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan Negara Dan Kesejahteraan Sosial)









13 FEBRUARI

Lawatan pasukan naziran Sistem e-PROPER bertempat di PPD Kulim Bandar Baru, Kedah







14 -15 FEBRUARI

Lawatan pasukan naziran Sistem e-PROPER bertempat di JPN Pulau Pinang







25 FEBRUARI

Taklimat pergerakan ke Songkhla, Thailand bagi Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Luar Negara







26 FEBRUARI

Lawatan pasukan naziran Sistem e-PROPER bertempat di JPN Perlis







26 FEBRUARI

Program Bual Bicara SPP bersama warga pendidikan Kedah di IPG Darul Aman, Jitra, Kedah







27 FEBRUARI

Program Penandaarasan Sistem Pemilihan Guru di Songkhla, Thailand








28 FEBRUARI

Mesyuarat Suruhanjaya bertempat di Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah







18 – 20 MAC

Lawatan pasukan naziran Sistem e-PROPER bertempat di JPN Negeri Sembilan







22 MAC

Program Gaya Hidup Sihat SPP Siri II bertempat di Gelanggang Sukan JPM, Kelab Bukit Perdana, Jabatan Perdana Menteri







11 APRIL

Perhimpunan Bulanan SPP bertempat di Auditorium Blok B1, Jabatan Perdana Menteri diadakan bersekali dengan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SPP







15 – 16 APRIL

Kursus Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) diadakan di Putrajaya







22 – 23 APRIL

Kursus Menangani Pengurusan Stres bertempat di Putrajaya





22 – 24 APRIL

Program Bersepadu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Dr. Mohamed Farid Bin Md Rafik di ILP Miri, Sarawak

Program Bual Bicara Anggota Suruhanjaya bersama warga pendidikan di Sarawak







Bengkel bersama Anggota Suruhanjaya







Program CSR di SPPSMK Dato' Permaisuri, Miri











10 MEI

Pengagihan bubur lambuk oleh YBhg. Tan Sri Pengerusi SPP







23 MEI

Majlis Berbuka Puasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bertempat di Surau Aras 4, Blok B1, Jabatan Perdana Menteri









25 MEI

Taklimat temu duga bertempat di USM Pulau Pinang







31 MEI

Sesi fotografi warga SPP bersempena Hari Raya Aidilfitri





10 JUN

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama YBhg. Tan Sri Pengerusi dan isteri bertempat di Dewan Makan, Aras 2, Blok B1, Jabatan Perdana Menteri







16-18 JUN

Mesyuarat Semakan Semula Dokumen dan Penilaian Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bertempat di Hotel Hatten, Melaka





21 JUN

Majlis Persaraan Tahun 2019 "Lambaian Kasih Apresiasi Budi" Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran di Dewan Gunasama, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Putrajaya









4 JULAI

Program Gaya Hidup Sihat SPP Siri III bertempat di Ruang Legar Aras 1 Blok B3, Jabatan Perdana Menteri







16-18 JULAI

Kursus Kemahiran dan Pemantapan Pemanduan bertempat di Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Selatan, Johor







22 JULAI

Setiausaha yang baharu iaitu YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh telah melapor diri di SPP







24 JULAI

Kunjungan hormat Setiausaha SPP Ke Pejabat Ketua Setiausaha Negara





29 JULAI

Sesi temu duga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Putrajaya







22 OGOS

Program mendaki ke Gunung Chenuang anjuran Kelab Sukan Rekreasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (KSRSPP)







15 OGOS

Mesyuarat Perhubungan Khas SPP bersama Ketua Setiausaha KPM di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Blok B3, Jabatan Perdana Menteri







22 OGOS

Pertandingan Kuiz '*Brain Freeze*' anjuran KSRSPP bertempat di Bilik Temu Duga 1-9 Aras 1, Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri







23 OGOS

Majlis Perjumpaan Setiausaha SPP bersama warga SPP di Dewan Serbaguna Aras 3, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri






1 SEPTEMBER

Majlis Sambutan Maal Hijrah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)



23 SEPTEMBER

Lawatan kerja ke bangunan baharu SPP di Blok F9, Kompleks F







26 SEPTEMBER

Lawatan YBhg. Tan Sri Dr Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP ke pejabat baharu SPP di Blok F9, Kompleks F





26 SEPTEMBER

Lawatan ke Pulau Perhentian anjuran KSRSPP







1 OKTOBER

Program Bersepadu SPP diadakan di Tawau, Sabah







11 OKTOBER

Mesyuarat perkongsian maklumat SPP bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia







20 OKTOBER

Pertandingan Boling 2019 anjuran bersama Kelab Sukan dan Rekreasi SPP (KSRSPP) dan PUSPANITA Cawangan Kecil SPP di Ampang Superbowl Kajang







4 OKTOBER

Lawatan Inspektorat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) ke SPP







22 NOVEMBER

Majlis Pelancaran Kit Ahli Suruhanjaya bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya







9 NOVEMBER

Sambutan Maulidur Rasul di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur



30 NOVEMBER

Kejohanan Integrasi MAKSWIP





4 DISEMBER

Majlis Angkat Sumpah Ahli Suruhanjaya yang baharu di Istana Kehakiman, Putrajaya







SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Liputan MEDIA

HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN, 8 APRIL 2019



N11, N19 பிரிவுக்கான வேலை வாய்ப்பு 800 பேருக்கு வழங்கப்பட்டதில் ஒருவர் கூட இந்தியர் கிடையாது என்பதை மீண்டும் வலியுறுத்துகிறோம்

மேலும் 1,500 பேர் நியமனம் செய்யப்படவுள்ளனர். அதிலாவது இந்தியர்களுக்கு வாய்ப்பு வழங்கப்படுமா?

கல்விச் சேவை ஆணையம்

உண்மைத் தகவலை வெளியிட வேண்டும்!

கோலாலம்பூர், எப்.எ- கல்விச் சேவை ஆணையம் (எஸ்.பி.பி.) தொடர்பில் மலேசிய நண்பன் வெளியிட்டுள்ள தகவல் உண்மை இல்லை என கல்வி அமைச்சு கூறியிருக்கும் பட்சத்தில், கல்விச் சேவை ஆணையமும் மலேசிய கல்வி அமைச்சும் சரியான, உண்மையான தகவல்களை வெளியிட வேண்டும் என நண்பன் குழு வலியுறுத்துகிறது.

பக்கம் 12



முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

கல்விச் சேவை ஆணையம்..

கல்விசேவை ஆணையத்தின்கீழ் N11,N19 என்று இடம்பெறுள்ள கல்வியமைச்சின் கடை நிலை ஊழியர்களுக்கான வேலை வாய்ப்புகளில் இந்தியர்கள் முழுமையாக விடுபட்டுள்ளனர் என மலேசிய நண்பன் கடந்த வாரம் செய்தி வெளியிட்டிருந்தது குறிப்பிடத்தக்கது.

எனினும், இந்த வேலைவாய்ப்புகளைப் பொறுத்த வரையில் அது எஸ்.பி.பி.யின் கடமை என்றும் யாரைத் தேர்வு செய்ய வேண்டும் என்பதில் கல்வி அமைச்சு தலையிட்டது இல்லை என்றும் கல்வி அமைச்சு கடந்த ஏப்ரல் முதல் தேதி வெளியிட்டுள்ள ஓர் அறிக்கையில் கூறியது.

அந்த செய்தி முற்றிலும் தவறானது என அதில் மேலும் குறிப்பிடப்பட்டுள்ளது. கல்வி அமைச்சு கூறுவது உண்மையானால், நண்பன் குழு சில கேள்விகளை இங்கே முன்வைக்கின்றது.

* N11, N19 பிரிவுக்கான வேலை வாய்ப்பு 800 பேருக்கு வழங்கப்பட்டது;
* இந்த 800 பேரில் இந்தியர்களாவது கிடையாது;
* பள்ளிகளின் நிர்வாக உதவியாளர் பணிக்கு புதிதாக இந்தியர்கள் எவரும் கிடையாது;
* தமிழ்ப்பள்ளிகளில் பலர் பள்ளி உதவியாளர் பதவிக்குக் கூட இந்தியர்களுக்கு வாய்ப்பில்லை;
* N11, N19 பதவிகளுக்கு மேலும் 1,500 பேர் நியமனம் செய்யப்படவுள்ளனர்;

என மலேசிய நண்பனில் வெளியான தகவல் உண்மை இல்லை என்றால் கல்வி அமைச்சர் டாக்டர் மஸ்லீ மாலிக், எஸ்.பி.பி.யின் தலைவர் டான்ஸ்ரீ டாக்டர் காயர் முகமட் யூசப் ஆகியோர் நியாயமான பதிலைத் தர கடமைப்பட்டுள்ளனர் என்பதை நண்பன் குழு இங்கு வலியுறுத்துகிறது.

சுமார் 60 ஆண்டுகால ஆட்சியை மாற்றியமைப்பதற்கு மலேசிய இந்தியர்களின் பங்களிப்பு அளப்பரியது என்பதை மறந்து விட்டு, பட்ட காலிலே படும் கெட்ட குடியே கெடும் என்பதற்கு ஏற்ப மேன்மேலும் இந்திய சமூகத்திற்கே சமையைத் தருவது வேதனையான விஷயம் என்பதை நண்பன் குழு சுட்டிக்காட்ட விரும்புகின்றது.

BORNEO POST, 23 APRIL 2019

Target for 90 per cent local teachers extended to 2021 — Md Farid

MIRI: The target for locals to constitute 90 per cent of teachers in Sarawak and Sabah has been extended from 2018 to 2021 by the federal government, said Deputy Minister in the Prime Minister's Department Datuk Wira Dr Md Farid Md Rafik.

Speaking during the Education Service Commission Malaysia (SPP) and Miri Division education talk and presentation of letters of appointment to ten SPP Sarawak interview board chairmen (Pengerusi Lembaga Temuduga SPP Negeri Sarawak) yesterday, Md Farid said the appointment of the Sarawakians was decided by the government to empower Sarawakians and Sabahans.

"Congratulations to those who have been appointed as chairman of the Interview Board for the period of May 1, 2019 to April 30, 2020. Their appointment is aimed at helping and easing the interview process conducted by SPP to get the best candidate to serve in Sarawak," he said.



Md Farid (seated front, centre) and others in a group photo during the event yesterday.

Md Rafik disclosed that last year, a total of 980 candidates were offered appointment as education service officer and three were appointed to the implementing group (Anggota Kumpulan Pelaksana) for Sekolah Agama Bantuan Kerajaan in Sarawak.

"This number is lower than the candidates appointed in 2017 due to the temporary freezing of government recruitment.

"Nonetheless, I was informed this year that the number of candidates to be appointed will increase following the approval by the Public Service Department (PSD), which is 8,516 candidates involving education service officers, higher education officers and those in the implementing group," he added.

Also present were SPP chairman Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof, SPP deputy chairman Tan Sri Ahmad Phesal Talib, SPP secretary Datuk Abu Bakar Idris, Sarawak Education director representative Omar Mahali, department heads and SPP officers.

SEE HUA DAILY, 23 APRIL 2019



威拉法力拉蒂克(左)颁发委任状予来自砂教育局学术管理部主管利斯密。

教育服务委员会主席丹斯里凯尔莫哈默的瑟(左2)赠送纪念品予威拉法力拉蒂克。

放眼2021達致90:10
本土教職砂人優先

（本报美里22日讯）大马国家团结及社会和谐副部长拿督威拉法力拉蒂克表示，砂拉越本土教师90:10执教比例目标已经达到87%，放眼2021年可成功达标。

他指出，大马教育部及砂教育局尚未致力於提高教师专业，尤其是砂拉越引以为傲的多元种族文化社会结构，肯定有许多拥有高素质的潜质教师。因此，在大马教育部新教师招聘事务政策下，将本地毕业生列为优先入选。

"在大马教育部行政之下的学校有特别需要或出现空缺时，符合资格的砂拉越人选将优先获得教育服务委员会的面试安排机会。"

他表示，教育部在2018年设下的砂本土教师90:10执教比例目标无法预期达成，而教育部也从中进行检讨并积极作出努力让目标如愿达致，包括委任本地出身合资格人选担任砂教育服务委员会官员，以授权予砂官员们通过面试从中把关，挑选出最有素质的本地申请者。

他透露，早前的公开市场招聘主要都是集中在城市区如古晋，并销魂大也局限了乡区毕业生们能来面试机会，因此如今教育部决定也深入乡区如拥里面、加帛、林梦等地，提高本地符合

全体出席者合照。

威拉法力拉蒂克（左）颁发委任状予砂教育局主席者证以证实。

师资的毕业生们的申请面试机会。

威拉法力拉蒂克今午出席在美里工业训练学院礼堂进行的教育服务委员会砂面试局主席委任仪式，以及教育服务委员会与第三者教育局官员对话会主持开幕典礼後，在新闻发布会上，发表上述谈话。

他强调，将会继续加强公共服务局的服务素质，以提升公务员的服务形象，成为有诚信、有责任感和勤奋的公务员。

980人受委服務局官員

此外，威拉法力拉蒂克稍早前在委任仪式上致词时也表示，去年2018年共有980名被委任成为砂教育服务局官员以及3名成为砂政府资助宗教学校管理小组成员。

他道出，基於政府短暂冻结招聘的因素，因此人数相比2017年幼下滑趋势。

但是，随著大马公共服务局解除冻结令，今年招收人选有回升迹象，其有8116名来自三个教育领域即教育服务官员、高等教育官员以及管理小组成员获聘。

在今午举行的教育服务委员会砂面试局主席委任仪式上，共有10名来自教育界领域的学校校长和教育局官员接受委任状，包括来自古晋、林梦和加拿逸。

SIN CHEW DAILY, 23 APRIL 2019



08 | 23·4·2019 星期二 | 綜合 星洲日報

教育部2021年目標

在砂執教本地人佔90%

（美里22日讯）首相署副部长（国家团结及社会和谐）拿督威拉法力拉蒂克表示，在砂执教执教的教师有87%是砂拉越人，政府可在2021年达到90%的目标。

法力拉蒂克表示，教育部在2018年定下砂拉越本土教师达到90%的目标，但无法在预期达成，因此进行检讨及积极努力，以期在2021年达到此目标。

"我们委任砂拉越人和任砂教育服务委员会官员，授权砂官员通过面试活动，从中挑选出最有素质的本地申请者担任教师。"

深入乡区面试教员

法力拉蒂克今午出席在美里工业训练学院礼堂进行的教育服务委员会砂面试局主席委任仪式及教育服务委员会与美里省教育局官员对话会主持开幕典礼后，召开新闻发布会。

他说，教育部及砂教育局尚未致力提高教师的素质及专业，尤其是砂拉越本地引以为傲的社会结构，肯定有高素质的潜质教师。

"因此，在教育部全新教师的招聘事务政策下，将把本地毕业生列为优先考量的人选。"

法力拉蒂克指出，在教育部行政下的学校有特别需要或出现师资空缺时，符合资格的砂拉越人选将优先获得教育服务委员会实授面试的机会。

他透露，之前的招聘工作主要集中在城市区如古晋，面对庞大开销及局限乡区毕业生前往面试的机会，如今教育部决定深入乡区，如拥里、加帛和林梦等地，让本地符合资格的毕业生有机会面试。

他强调，他们将会继续加强公共服务局的服务素质，提升公务员的服务形象，成为有诚信、有责任感和勤奋的公务员。

10教育界者获委任状

法力拉蒂克表示，去年有980人受委任成为砂教育服务局官员及3名成为砂政府资助宗教学校管理小组成员。

他道出，基于政府短暂冻结招聘的因素，人数相比2017年有下滑趋势。

但随着大马公共服务局解除冻结令，今年招收人选有回升迹象，共有8116名来自三个教育领域，即教育服务官员、高等教育官员及管理小组成员获聘。

在教育服务委员会砂面试局主席委任仪式上，有10名来自教育界的校长及教育局官员接获委任状，包括来自古晋、林梦及加拿逸

1.出席者合影。2.有关署副部长（国家团结及社会和谐）法力拉蒂克（左）颁发委任状予其中一名受委任者詹兰林基。3.受委任者合影。

SINAR HARIAN, 17 DISEMBER 2019

2,250 graduan PISMP lulus temu duga SPP

SPP/SH/17/12/2019/MS12

KUALA LUMPUR - Seramai 2,250 graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) telah lulus temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan ditempatkan di sekolah pada 4 November lalu.



NIE CHING

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching berkata, bagi graduan pendidikan keluaran universiti awam pula, seramai 5,594 orang dipanggil temu duga pada September hingga Oktober tahun ini untuk mengisi kekosongan pelbagai opsyen di Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, keputusan dijangka diketahui pada bulan ini dan lantikan bagi yang berjaya akan bermula pada Januari depan.

"Pengambilan guru-guru adalah berdasarkan kepada bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan. Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh SPP selaku Pihak Berkuasa Melantik.

"Graduan universiti awam yang memenuhi syarat kelayakan ditetapkan akan dipanggil untuk ditemu duga oleh SPP berdasarkan bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran," katanya pada sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan pada Persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Senator Suresh Singh Rashpal Singh** yang ingin tahu jumlah bilangan graduan dalam bidang perguruan yang masih belum ditempatkan di sekolah setakat November 2019. - *Bernama*

BERITA HARIAN, 17 DISEMBER 2019

2,250 graduan IPG diserap jadi guru

Temu duga 5,594 lepasan universiti awam diketahui bulan ini

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my



Teo Nie Ching

Kuala Lumpur: Seramai 2,250 graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG), lulus temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan ditempatkan di sekolah pada 4 November lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, berkata bagi graduan pendidikan universiti awam pula, seramai 5,594 orang dipanggil temu duga pada September hingga Oktober lalu untuk mengisi kekosongan pelbagai opsyen di kementerian berkenaan.

BERNAMA melaporkan, Nie Ching memaklumkan, keputusan temu duga berkenaan dijangka diketahui bulan ini dan lantikan bagi yang berjaya akan bermula pada Januari depan.

"Pengambilan guru adalah berdasarkan kepada bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di sekolah di bawah pentadbiran kementerian.

"Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh SPP selaku Pihak Berkuasa Melantik.

"Graduan universiti awam yang memenuhi syarat kelayakan ditetapkan akan dipanggil untuk ditemu duga oleh SPP, berdasarkan bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran," katanya pada sesi pertanyaan jawab lisan di Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Suresh Singh Rashpal Singh, yang ingin tahu jumlah bilangan graduan bidang perguruan yang belum ditempatkan di sekolah setakat November 2019.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Aminuddin Awang ketika dihubungi *BH*, meminta Kementerian Pendidikan diminta memperincikan jumlah graduan yang lulus temu duga SPP itu, berpandukan opsyen dan penempatan masing-masing.



Keperluan guru berkelayakan amat diperlukan *bagi melahirkan pelajar cemerlang.* (Foto Hiasan)

"Ini bagi mengenal pasti jumlah keseluruhan guru mengikut opsyen dan aspek yang diperlukan. Perincian itu juga bagi membantu mengenal pasti jumlah guru yang masih belum mencukupi untuk subjek tertentu.

"Tambahan pula, NUTP sendiri tidak mempunyai jumlah tepat kekurangan guru mengikut opsyen, kerana keseluruhan data berkaitan perkara itu hanya diketahui Kementerian Pendidikan dan tidak dimaklumkan kepada kami," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan lebih 6,500 graduan pendidikan universiti awam yang masih mengang gur tidak dijamin diserap men jadi guru di sekolah kerajaan berikutan jumlahnya melebih kekosongan sedia ada, selain bergantung sama ada mereka lulus ujian psikometrik serta subjek diajar.

Kementerian Pendidikan dila por menyifatkan isu itu sebagai sementara, didorong faktor lua jangka seperti persaraan pilihan meninggal dunia, cuti separuh gaji dan tanpa gaji melebihi se tahun, ditamatkan perkhidmatan serta berhenti kerja atau letak jawatan.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Pengiktirafan



SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

ISMS
SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1-4, BLOK B3, KOMPLEKS JPM
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62526 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

STANDARDS MALAYSIA
ISMS 17022011 CB 01

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

ISO/IEC 27001:2013
Information Technology – Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements

UKAS MANAGEMENT SYSTEMS
074

Skop Pensijilan

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PROSES PERAKUAN URUSAN PERKHIDMATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (APP) MENGGUNAKAN SISTEM eSPP DI IBU PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN.

NI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: VERSI 3.1, 04 OKTOBER 2019

IQNet

Tarikh dikeluarkan	:	**11 November 2019**
Tarikh asal pensijilan	:	**15 November 2018**
Tarikh luput	:	**14 November 2021**
No. pensijilan	:	**ISMS 00324**

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(No. Syarikat 410334 - X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, Peti Surat 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-5544 6404
Faks : 60-3-5544 6787
http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

Mohd Azanuddin Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti termyata dalam Perjanjian Pensijilan.

Sijil *Information Security Management System* (ISMS)
versi MS ISO/IEC 27001:2013

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Sekalung
PENGHARGAAN

SPP merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli SPP yang telah tamat kontrak dan Urus Setia SPP yang telah bersara atau bertukar ke agensi yang lain dalam tahun 2019 atas sumbangan mereka sepanjang bertugas di SPP.

AHLI SPP – TAMAT KONTRAK		TARIKH
1.	YBhg. Dato' Misrah bin Haji Ibrahim (meninggal dunia)	26.04.2019
2.	YBhg. Dato' Haji Sufa'at bin Tumin	30.11.2019
3.	Puan Hjh. Serina binti Sauni	30.11.2019
4.	YBrs. Dr. Masnah binti Ali Muda	30.11.2019
5.	YBhg. Dato' Dr. Lee Boon Hua	30.11.2019
6.	YBhg. Datuk Hj. Mohlis bin Hj. Jaafar	30.11.2019
7.	YBhg. Dato' S. Kumaran	30.11.2019
8.	Encik Choy Lup Bong	30.11.2019

URUS SETIA SPP - BERSARA		TARIKH
1.	Puan Aini binti Ali	06.01.2019
2.	Puan Puziah binti Mohamed	23.02.2019
3.	YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris	24.06.2019
4.	Encik Mahpof bin Mahmood	02.08.2019
5.	Puan Dayang Sofia binti Awang Salleh	04.03.2019

URUS SETIA SPP – BERTUKAR KELUAR		TARIKH
1.	Encik Tiong Hwa Nguong	01.01.2019
2.	Encik Mohd Shahril bin Muzlan	15.01.2019
3.	Encik Noorhafezan bin Abd Majid	01.01.2019
4.	Puan Zaidayu binti Haron	18.02.2019
5.	Puan Wan Nurhazwani binti Shamsudin	25.02.2019
6.	Puan Siti Aissyah binti Mohamad Yusoff	29.03.2019
7.	Puan Noornatasha binti Abdul Razak	29.03.2019
8.	Encik Mohamad Nazar bin Man	29.03.2019
9.	Puan Ladyia binti Misir	29.03.2019
10.	Puan Zahila binti Desa	29.04.2019
11.	Encik Mohd Hafiz bin Haris	29.04.2019

URUS SETIA SPP – BERTUKAR KELUAR		TARIKH
12.	Puan Norazlina binti Puteh	13.05.2019
13.	Puan Rizamariah binti Sori	29.04.2019
14.	Puan Siti Farhana binti Mohd Yasir	28.06.2019
15.	Encik Johan bin Abu Bakar	01.08.2019
16.	Puan Shuilla binti Aliliah @ Alias	01.08.2019
17.	Encik Ahmad Izzuddin bin Mohd Hamim	15.08.2019
18.	Puan Noor Misbahwati binti Hussin	01.08.2019
19	Puan Anita binti Lamdin	26.08.2019
20.	Puan Nor Ilanah binti Roslan	09.09.2019
21.	Puan Azrina binti Kamis	17.09.2019
22.	Puan Nurul Azwa binti Osman	01.10.2019
23.	Puan Norehan binti Ibrahim	29.10.2019
24.	Encik Mohd Hakimi bin Md Yatim	03.10.2019
25.	Puan Haryanti binti Damir	21.10.2019
26.	Puan Alawiah binti Haron	21.10.2019
27.	Puan Siti Rosmiza binti Abd Rahman	21.10.2019
28.	Puan Noor Zuraini binti Zakaria	21.10.2019
29.	Puan Rosmashilah binti Omar	02.12.2019
30.	Encik Mohd Han bin Adam	23.12.2019

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Glosari

AKP	–	Anggota Kumpulan Pelaksana
APP	–	Anggota Perkhidmatan Pendidikan
IPGM	–	Institut Pendidikan Guru Malaysia
UA	–	Universiti Awam
ISMP	–	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPM	–	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	–	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPPM	–	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KWSP	–	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PBM	–	Pihak Berkuasa Melantik
PDP	–	Pengesahan Dalam Perkhidmatan
PISMP	–	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PKP	–	Pegawai Khidmat Pelanggan
PM	–	Pembantu Makmal
PO	–	Pembantu Operasi
PPM	–	Pembantu Pengurusan Murid
PPP	–	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPT	–	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSTT	–	Pakej Setuju Terima Tawaran
PT (Kew)	–	Pembantu Tadbir (Kewangan)
PT (P/O)	–	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
PTB	–	Pemberian Taraf Berpencen
PTP	–	Pelanjutan Tempoh Percubaan
SABK	–	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SLTP	–	Skim Latihan Tenaga Pengajar
SPP	–	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
TFM	–	*Teach For Malaysia*

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Lagu SPP

Lagu SPP

Tekad, tegas dan adil
Efisien dan amanah
Mengambil kira semua
Hasrat pelanggan

Tanpa mengira bangsa
Tanpa mengira masa
Kami tetap berkhidmat

Dalam mencapai wawasan
Kami pentingkan kualiti
Dalam transformasi dan misi bestari
Yang terbaik jadi pilihan

Bersama modal insan cemerlang
Hasrat negara didahulukan
Berlandaskan kod etika
Dengan hati yang suci

SPP dinamik, efektif dan berintegriti
SPP peneraju modal insan
Sektor pendidikan

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
(IBU PEJABAT PUTRAJAYA)
Aras 1-4, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya
Tel: 03 - 8000 8000
Faks: 03 - 8871 7499

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SABAH
Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088 - 488 521 / 522 / 523 / 524

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK
Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn
Lot 1546, Blok 17, KCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching, Sarawak
Tel: 082 - 537 000
Faks: 082 - 537 027

www.spp.gov.my